

21/03/2005

TUN MAHATHIR LANCAR SETEM GEN-2 POS MALAYSIA

PUTRAJAYA, 21 Mac (Bernama) -- Model terbaru Proton, Gen-2, diabadikan pada setem Pos Malaysia sempena ulangtahun ke-20 pengeluar kereta nasional itu.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melancarkan setem khas itu yang mempamerkan kereta itu dalam pelbagai warna dalam satu upacara ringkas di sini hari ini.

Dalam ucapannya, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Proton Holdings Bhd Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff berkata: "Diabadikan pada setem negara itu sendiri merupakan satu pencapaian.

"Ia juga mencerminkan komitmen dan sumbangan syarikat kepada pembangunan negara."

Setem khas itu yang bernilai kira-kira RM100,000 telah dijual sejak 7 Mac.

-- BERNAMA
MAM RHM